

06 OKTOBER 2017

Dadah: Benjy berhadapan penjara 14 tahun di Indonesia

Dadah: Benjy berhadapan penjara 14 tahun di Indonesia

KUALA LUMPUR 5 Okt. - Pelakon Khaeryll Benjamin Ibrahim, 38, atau lebih dikenali sebagai Benjy berhadapan hukuman penjara 14 tahun dan denda sebanyak 800 juta rupiah (RM25,1012) oleh Mahkamah Daerah Medan, Indonesia kerana kesalahan menyeludup dadah jenis methaphetamine melalui duburnya.

Memetik laporan *The Jakarta Post*, peguam pendakwa, Maria F. Tarigan menyatakan, Benjy telah melanggar Undang-undang Narkotik 2009.

"Kami menuntut para hakim menjatuhkan hukuman penjara selama 14 tahun terhadap tertuduh," katanya dalam sesi perbicaraan yang diketuai Hakim Wahyu Prasetyo Wibowo, semalam.

Selepas mendengar tuntutan peguam pendakwa, Benjy memberitahu, dia akan mengemukakan kenyataan pembelaan pada sesi pendengaran minggu hadapan.

Pada 18 April lalu, Benjy yang juga anak kepada bekas pelakon

Allahyarhamah Azean Irdawaty ditahan oleh pegawai kastam dan eksais Indonesia ketika tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Namu, Deli Serdang, Sumatera Utara.

Hasil pemeriksaan, pegawai terbabit menemukan 4.5 gram methaphetamine kristal yang dikenali sebagai syabu di bahagian duburnya.

Sebelum ini, Benjy pernah berhadapan pertuduhan berkaitan dadah termasuk mengedar syabu.

